

OSAKA + KYOTO + NARA

6 HARI 4 MALAM



TOUR CODE: KIXNRT6N-MH

6H4M OSAKA, KYOTO + NARA



HOTEL PENGINAPAN		3* Hotel
BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Kyoto	Chisum Premier Kyoto Hotel	1 Mlm
Osaka Kansai Airport	Noku Osaka Hotel Baygulls	2 Mlm 1 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 532	KUL - KIX	2345	0725 ⁺¹
6	D7 532	KIX - KUL	0830	1440

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 52	KUL - KIX	2240	0540 ⁺¹
6	MH 53	KIX - KUL	0957	1630

PERBEZAAN
WAKTU

GMT+9

Japanese Yen
YEN100

= Ringgit Malaysia
MYR 3.30



Osaka Masjid



Yodobashi Umeda Mall

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Aktiviti/lawatan tambahan yang tidak terdapat dalam aturcara program seperti Universal Studio Japan dan Tempozan Kaiyukan Aquarium.
- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

6H4M OSAKA, KYOTO + NARA

HARI 1

Kuala Lumpur - Kansai Airport

Berkumpul di KLIA2 untuk menaiki penerbangan ke Kansai International Airport.

HARI 2 MT/MM

Kansai Airport - Nara

Tiba di Kansai International Airport.

Lawatan di **Nara**:

- **Nara Park**: Nara Park terletak di bahagian Nara di wilayah Kansai. Nara Park adalah salah satu tempat yang mesti dilawati kerana tarikan di kawasan tersebut yang terdapat rusa-rusa yang jinak dan bebas berkeliaran. Rusa-rusa di sini di bawah perlindungan “Deer Preservation Foundation” di mana tindakan akan dikenakan oleh pihak berkuasa di Jepun sekiranya didapati bersalah. Rusa-rusa di sini tersangat jinak dan akan menunduk kepada pengunjung yang hendak dan memberi mereka makanan.



Nara Park

- Menunaikan solat di **Kyoto Islamic Culture Center** dan menjamah makan tengah hari.
- **Higashiyama District** adalah laluan untuk mendaki ke Kiyomizudera Temple di Kyoto. Di sekeliling Higashiyama Street, terdapat kedai-kedai cenderamata dan cenderemata yang melambangkan Kawasan tersebut, di Higashiyama Street juga terdapat tempat untuk menyewa Kimono untuk lelaki dan perempuan.



Higashiyama District

- **Gion Street** ialah daerah geisha paling terkenal di Kyoto. Ia terletak di sekitar Shijo Avenue antara Yasaka Shrine di timur dan Kamo River di barat. Ia dipenuhi dengan kedai, restoran dan ochaya (kedai teh), tempat geiko (dialek Kyoto untuk geisha) dan maiko (perantis geiko) berhibur.
- **Ninenzaka** dipenuhi dengan kedai-kedai yang terdiri daripada kedai cenderamata dan yang menjual pelbagai produk Jepun hinggalah ke kedai manisan dan restoran. Takehisa, seorang pelukis dan penyair terkenal era Taisho, menghabiskan kira-kira dua tahun di kawasan kejiranan itu bermula pada tahun 1917, dan terdapat sebuah monumen batu berhampiran tempat dia tinggal.
- **Sannenzaka** dipenuhi dengan kedai-kedai yang terdiri daripada kedai cenderamata kedai gula-gula dan kraf yang memenuhi bangunan lama di daerah bandar lama Kyoto ini. Sannenzaka menawarkan banyak gula-gula yang menarik perhatian yang hanya menyebut "Kyoto" dengan indah, dan membuat cenderamata yang sempurna.
- **Kiyomizu Temple** adalah temple yang terkenal untuk penganut buddha dan terletak di salah satu bukit di kyoto. Kiyomizudera bermaksud “Pure Water Temple”. Kiyomizudera temple menawarkan pemandangan indah dari banyak pokok ceri dan maple di bawah

yang meletus dalam lautan warna pada musim bunga dan musim luruh, serta bandar Kyoto dari kejauhan. Kenapa Kiyomizudera Temple adalah tempat terakhir dlm lawatan ini, kerana di tempat itu boleh menyaksikan matahari terbenam.

Makan malam dan bermalam di Kyoto.

HARI 3 SP/MT/MM

Osaka - Kyoto

• **Nishiki Market** dikenali sebagai "Kyoto's Kitchen", pasar runcit yang meriah ini mengkhususkan diri dalam semua perkara yang berkaitan dengan makanan, seperti makanan laut segar, hasil bumi, pisau dan alat memasak, dan merupakan tempat yang bagus untuk mencari makanan bermusim dan kepakaran Kyoto, seperti gula-gula Jepun, jeruk, makanan laut kering dan sushi.



Nishiki Market

- **Arashiyama** ialah daerah pelancongan yang menyenangkan di pinggir barat Kyoto. Arashiyama amat popular semasa musim bunga sakura dan musim gugur. Jambatan Togetsukyo (Togetsukyo bridge) ialah mercu tanda pusat Arashiyama yang terkenal, banyak kedai kecil, restoran dan tarikan lain terdapat berdekatan, termasuk Tenryuji temple, Bamboo Forest dan bot-bot keseronokan yang boleh disewa di sungai.
- **Bamboo Forest** ialah tempat paling terkenal di Arashiyama kerana laluan yang membelah rumpun buluh membuatkan boleh berjalan kaki. Hutan-hutan itu amat menarik apabila angin bertiup sepoi-sepoi dan tangkai buluh yang tinggi bergoyang-goyang perlahan-lahan ke sana ke mari. Buluh itu telah digunakan untuk mengeluarkan pelbagai produk, seperti bakul, cawan, kotak dan tikar di bengkel tempatan selama berabad-abad.




Bamboo Forest

Dari Arashiyama akan bertolak ke Osaka dalam masa 1 jam 15mins. Makan malam dan bermalam di Osaka

HARI 4 SP/MT/MM

Osaka

• Melawat **Osaka Castle**. Osaka Castle adalah salah satu simbol yang memaparkan bandar Osaka. Istana Osaka mempunyai sejarah yang panjang dan merupakan salah satu istana yang banyak berperang di zaman dahulu dan terselamat dari banyak bencana. Pada zaman sekarang ini, Istana Osaka adalah menjadi tarikan pelancong di mana masih lagi berdiri dan moden dan boleh dilihat dari luar Kawasan istana. Keluasan Istana Osaka sangatlah besar, mengambil masa dalam 1 jam lebih.



Osaka Castle

- Melawat **Osaka Masjid** ialah masjid terbesar di Osaka dan terdekat dari bandar Osaka. Masjid Osaka bukan di dalam Kawasan bandar Osaka, tetapi masih boleh sampai di situ dengan menaiki kereta api. Kawasan masjid Osaka juga terdapat kedai barang-barang halal dan menyediakan makanan halal tradisional Jepun.
- **Yodobashi Umeda Mall** ialah sebuah bangunan tinggi yang menakjubkan di daerah "Kita" di Osaka, berhampiran stesen Osaka dan Umeda. Ia juga dikenali sebagai "Umeda New Town".
- **Shinsaibashi Street** atau dikenali sebagai **Dotonbori** adalah daerah hiburan yang paling terkenal di bandar ini dan menawarkan pilihan tempat makan dan membeli-belah yang banyak. Bermalam di Osaka.

HARI 5 SP

Osaka

• Tetamu bebas untuk melakukan aktiviti sendiri seperti berhibur di **Universal Studio Japan**, **Tempozan Kaiyukan Aquarium** atau menaiki train ke kawasan yang berdekatan.

*Tiket masuk tempat lawatan dan pengangkutan tidak termasuk dalam pakej.

Bermalam di Osaka.

HARI 6

Kansai Airport - Kuala Lumpur

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.